



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ORIENTASI MATLAMAT DAN KAITANNYA DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF DI KALANGAN PEMAIN-PEMAIN BOLA SEPAK18 TAHUN JUARA SEKOLAH 100 PLUS

LIM FUI CHIEW @ GLORIA LIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA-PENDIDIKAN SAINS SUKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

**Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan
dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

02 MEI 2007


LIM FUI CHIEW @ GLORIA LIM
M20061000026



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGESAHAN

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan, Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

.....
(PROF. MADYA DR. SHAHARUDIN BIN ABD. AZIZ)

Penyelia Projek

iii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin menaikan pujian syukur kepada Tuhan atas kasih setia dan berkatNya yang memampukan saya untuk menyiapkan disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Shaharudin Abd Aziz di atas bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang tidak ternilai di sepanjang penulisan disertasi ini. Kesabaran dan keprihatinan beliau memberikan saya semangat untuk terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa.



Penghargaan khas juga ditujukan kepada semua pensyarah UPSI yang telah memberikan didikan, sokongan moral dan bantuan langsung atau secara tidak langsung di sepanjang kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Jemaat BCCM(BM) KB, Fauziah, Dg. Mastura, Ingai yang sentiasa memberikan semangat, bantuan dan sokongan moral yang tidak ternilai harganya.

Akhir sekali, disertasi ini saya dedikasikan kepada Kim, mama, atia, chen, ahli keluarga dan Gifford serta Guriel yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Kasih sayang yang dicurahkan, doa, galakan serta dorongan mereka terutama pada saat-saat yang sangat diperlukan akan sentiasa tersemat di hati dan diabadikan di sepanjang hayat.





ABSTRAK

ORIENTASI MATLAMAT DAN KAITANNYA DENGAN TINGKAH LAKU AGRESIF DI KALANGAN PEMAIN-PEMAIN BOLA SEPAK18 TAHUN JUARA SEKOLAH 100 PLUS

Oleh

LIM FUI CHIEW @ GLORIA LIM

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti orientasi matlamat pemain-pemain bola sepak bawah 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah, mengenalpasti kecenderungan tingkah laku agresif responden semasa bermain dan mengenalpasti situasi dan individu yang mempengaruhi keagresifan responden. Responden kajian seramai 126 orang pemain bola sepak bawah 18 tahun yang terdiri daripada 7 pasukan yang mewakili gabungan masing-masing ke Kejohanan Bola Sepak ,Juara Sekolah 100 Plus, Peringkat Negeri Sabah. Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan soal selidik "Task & Ego Orientastian In Sport Questionnaire' (TEOSQ: Duda & Nicholls, 1989) dan "The Judgement About Moral Behavior In Youth Sport Questionnaire" (JAMBYSQ: Stephens, Bredemeier & Shields, 1993). Dengan menggunakan analisis min dan ujian t, dapatkan menunjukkan responden lebih cenderung ke arah orientasi tugasan berbanding orientasi ego. Responden juga lebih cenderung melakukan keagresifan Instrumental dalam permainan mereka. Dapatkan kajian menunjukkan kedudukan mata yang seri, keputusan pengadil yang tidak tegas dan keputusan mata yang tidak jauh berbeza menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam permainan ini. Individu-individu yang menyumbang kepada tingkah laku agresif bagi responden ini ialah pengadil, jurulatih atau pengurus dan ketua pasukan.





ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the goal orientation of football players under eighteen 100 Plus School Championship of MSSM Sabah State Level; to identify aggressive behavior of the respondent; and to identify the situation and individuals that influence the respondent's aggressiveness. As many as 128 respondent of football players under 18 which consist of 7 groups that represent their own division to 100 Plus Football School Championship in the Sabah State Level. The study is done by using the Task & Ego Orientation In Sport Questionnaire (TEOSQ: Duda & Nicholls, 1989) and The Judgement About Moral Behavior In Youth Sport Questionnaire (JAMBYSQ: Stephens, Bredemeier & Shields, 1993). By Using the min analysis and T –test, the verdict shows that the respondents are more into task orientations compared to ego orientations. The respondents also are more into doing the instrumental aggressiveness in their games. The results also shows that the score is even, referees decision that is not firm and slight differences in score results contribute to aggressive behavior in this championship. Individuals that contribute to the aggressive behavior to these respondents are referees, coaches or team managers and team captains.





KANDUNGAN

BAB

	PENGAKUAN	ii
	PENGESAHAN PENYELIA	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	viii

MUKA SURAT

1

	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Kepentingan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.6.1 Limitasi	10
	1.6.2 Delimitasi	11
	1.7 Definisi Operasional	12

2

	SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Definisi Keagresifan	15
	2.2 Jenis-Jenis Keagresifan	18
	2.3 Teori-teori Keagresifan	20
	2.4 Kajian-Kajian Berkaitan	25
	2.5 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keagresifan Atlet Dalam Sukan	26
	2.6 Orientasi Matlamat Berdasarkan Tugasan Atau Ego Dalam Sukan	37
	2.7 Rumusan	42

3

	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Instrumen Kajian	43
	3.2 Reka Bentuk Kajian	45
	3.3 Pembelahan kajian	46
	3.4 Sampel Kajian	47
	3.5 Prosedur kajian	47
	3.6 Tatacara Pengumpulan Data	48
	3.7 Penganalisisan Data	49



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4

ANALISIS DATA**50**

5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Perbincangan	64
5.2	Kesimpulan	68
5.3	Cadangan	70

RUJUKAN**74****LAMPIRAN****Borang Soal Selidik**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Taburan responden mengikut bangsa	52
4.2 Taburan responden mengikut pengalaman Bermain	52
4.3 Taburan responden mengikut peringkat pertandingan yang pernah disertai	53
4.4 Taburan responden mengikut tempoh bermain dengan pasukan sekarang	54
4.5 Taburan responden mengikut tempoh bersama jurulatih sekarang	55
4.6 Keputusan analisis skor min orientasi matlamat	57
4.7 Skor min , sisihan piaawai dan taburan tingkah laku agresif responden	59
4.8 Skor min dan sisihan piaawai situasi yang menyumbang tingkah laku agresif instrumental	59
4.9 Skor min dan sisihan piaawai sumbangan individu dalam sukan bola sepak berdasarkan tingkah laku instrumental	61





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- | | | |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.10 | Tagsiran nilai korelasi Pearson (r) mengikut Johnson dan Nelson (1986) | 62 |
| 4.11 | Keputusan korelasi antara orientasi matlamat dengan tingkah laku agresif instrumental | 63 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



"Mengapa kamu menanduk dada penyerang itu ?" Kemungkinan jawapan dari pemain tersebut akan berbunyi, "jurulatih mengarahkan saya melakukannya atau mungkin juga "saya benci pemain itu" dan pelbagai lagi jawapan yang berkemungkinan. Walau bagaimapun hanya individu itu sahaja yang mampu memberikan jawapannya. Sifat dan sikap agresif telah menjadi sinonim dengan sukan yang berbentuk kontak seperti bola sepak, ragbi, hoki, bola baling, bola keranjang dan beberapa jenis sukan yang lain. Misalnya pada 7 Julai insiden yang membabitkan pemain Perancis Zinedine Zidane dan pemain Itali Marco Materazzi dalam perlawanan akhir Piala





Dunia 2006 di German. Tandukan kasar Zidane ke atas pemain pertahanan Itali di dadanya hingga terjatuh jelas menggambarkan bahawa keagresifan dalam permainan bola sepak itu wujud dan tidak mengira peringkat pertandingan.

Istilah keagresifan itu sebenarnya boleh menggambarkan pelbagai tingkah laku dalam bidang sukan. Keagresifan dalam sukan dengan tingkah laku ganas seringkali dikaitkan dengan pergaduhan yang biasanya ditunjukkan oleh para pemain. Ganas atau keganasan didefinisikan sebagai suka menyerang, suka marah, bengis, dan tidak bertimbang rasa. Sementara agresif pula adalah tingkah laku yang lebih cenderung untuk menyerang (Kamus Dewan, 1989). Menurut Martens (1979), keganasan dan keagresifan adalah serupa dan tahap keganasan dan keagresifan bergantung kepada rangsangan yang diterima. Namun begitu, menurut Silva (1981), tingkah laku yang agresif berdasarkan percakapan atau perlakuan fizikal yang boleh mencederakan individu lain secara psikologi atau fizikal. Tingkah laku tersebut hendaklah dengan pilihan sendiri dan bertujuan untuk mencederakan lawan (Hussman & Silva, 1984). Sementara itu Berkowitz (1962), Bandura (1973) dan Silva (1980) pula mengatakan bahawa tingkah laku agresif tersebut hendaklah dilakukan dengan niat sengaja untuk merugikan individu lain, jika tidak tingkah laku tersebut tidak boleh dikatakan agresif.





Buss (1961), membahagikan tingkah laku agresif kepada dua iaitu Keagresifan Hostile dan Keagresifan Instrumental. Keagresifan Hostile adalah tingkah laku agresif yang dilakukan bertujuan untuk memberi kecederaan kepada individu lain dan berniat dengan sengaja membuat mangsa menderita. Tujuan utama tingkah laku tersebut adalah untuk menyakiti dan menyebabkan individu lain menderita (Silva, 1980; Silva & Conroy, 1995). Antara tingkah laku agresif yang boleh diklasifikasikan sebagai Keagresifan Hostile adalah menendang atau menumbuk pemain lawan. Akibat dari tindakan tersebut jelas menunjukkan mangsa tercedera. Individu yang melakukan Keagresifan Hostile tidak mementingkan keputusan perlawanan, sebaliknya apa yang penting bagi mereka adalah merugikan lawan.



Keagresifan Instrumental pula adalah tingkah laku agresif yang juga bertujuan untuk merugikan lawan, tetapi matlamatnya bukan untuk membuat mangsa menderita, sebaliknya adalah untuk mendapat kelebihan-kelebihan lain seperti kemenangan dan sebagainya (Silva, 1980). Sebagai contoh dalam permainan bola sepak, pemain pertahanan menerjah dengan kasar penyerang berbahaya pasukan lawan yang sedang membawa bola. Tindakan tersebut dilakukan bukan kerana pertahanan tersebut marah atau benci terhadap lawannya, sebaliknya jika penyerang berbahaya tersebut tercedera maka peluang untuk pasukan lawan menjaringkan gol adalah tipis dan seterusnya meningkatkan peluang pasukannya untuk





menang. Walau bagaimanapun kedua-dua tingkah laku agresif yang telah dinyatakan adalah salah dari segi peraturan dan undang-undang permainan bola jaring. Oleh itu para pemain yang melakukannya perlu sedia menanggung risiko atas perbuatan mereka.

Kebiasaananya ada sesuatu yang mendorong atau memotivasi seseorang individu melakukan sesuatu perkara secara agresif. Menurut Kamus Dewan (1989), motivasi adalah keinginan atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Menurut Singer (1975), motivasi adalah satu daya yang ada di dalam diri seseorang untuk mencapai satu matlamat dan berusaha keras untuk mendapatkan kejayaan yang lebih baik.

Dari dua definisi yang diberikan muncul satu pertanyaan adakah individu melakukan keganasan dalam permainan semata-mata kerana ingin mencapai kejayaan. Memang sukar untuk menjelaskan persoalan tersebut secara ringkas. Walau bagaimanapun, keganasan individu semasa bersukan dapat dikaitkan dengan orientasi matlamat mereka yang melibatkan diri dalam sukan yang samada berlandaskan tugas atau ego.

Cox, 1994; Duda, 1992; Nicholls, 1989; Weiberg & Gould, 1995 dalam Nicholls (1989), menyatakan bahawa individu yang menyertai sukan berlandaskan tugas akan menumpukan kepada membandingkan pencapaian dengan tahap individu dan kemajuan individu. Manakala individu yang bersukan berdasarkan ego lebih menumpukan terhadap pencapaian dan menewaskan lawan. Menurut Nicholls (1989), Individu yang bersukan





berdasarkan tugas akan bermain bersungguh-sungguh dan berusaha gigih sepanjang tempoh perlawanan manakala individu yang bersukan berdasarkan ego akan menarik diri daripada bersukan. Secara amnya individu yang bersukan berdasarkan ego lebih berminat bertindak agresif ketika bermain berbanding individu yang bersukan berdasarkan tugas.

Menurut Cox (1998), kemarahan dan depresi menjadi penyebab atau pemangkin berlakunya perlakuan yang agresif. Kecenderungan bertindak agresif adalah satu proses yang agak kompleks tetapi pengaruh persekitaran khususnya pengaruh kemanusiaan seperti rakan-rakan, pengadil, ibu bapa merupakan pemangkin yang menyebabkan berlakunya tingkah laku agresif dalam sukan. Stephens & Bredemeir (1996), tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pemain terhadap pemain lawan adalah atas arahan jurulatih.

Oleh itu jurulatih mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku agresif pemain dalam sesuatu permainan. Shaharudin (1998), keagresifan para pemain bawah 12 dan 15 tahun dalam permainan bola sepak sangat dipengaruhi oleh pemain paling terkenal atau popular manakala pemain bawah 18 tahun sangat dipengaruhi oleh ketua pasukan. Secara amnya tingkah laku agresif berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada faktor-faktor kemanusiaan.

Tingkah laku agresif merupakan masalah sosial yang besar dan boleh mendatangkan kemudarat. Menurut Freischlag dan Schemidke (1979), terdapat tiga puluh enam keagresifan dipelajari dan bukan lahir dengan secara semulajadi. Tingkah laku dalam sukan seperti mencaci, memaki





hamun serta perlakuan sumbang boleh membawa kepada wujudnya perkara-perkara negatif yang lebih serius. Secara amnya, semua pemain, jurulatih, pegawai dan penonton serta pengelola atau penganjur akan terlibat secara langsung.

Di Malaysia sekarang ini, masih kurang kajian yang dilakukan tentang keagresifan dalam permainan bola sepak. Dengan adanya kajian yang dijalankan sekurang-kurangnya mungkin dapat mengurangkan gejala negatif ini. Namun demikian kalau kita menghalusi faktor-faktor yang sedia ada, faktor kemanusiaan merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya keagresifan dalam permainan ini. Oleh itu, nilai-nilai murni dan semangat kesukuanan perlu dipupuk dan diterapkan dalam diri semua pihak agar keganasan dalam sukan dapat di atasi. Penerapan nilai-nilai murni mestilah dilaksanakan sejak daripada akar umbi lagi agar para pemain dapat bermain dalam situasi moral yang tinggi dan bersih. Selain itu mutu sukan permainan bola sepak negara dapat ditingkatkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor peramal yang menyebabkan berlakunya tindakan keagresifan di kalangan pemain-pemain bola sepak bawah 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, Majlis Sukan-sukan Sekolah Malaysia Peringkat Negeri Sabah. Kejohanan bola sepak ini





dianjurkan pada setiap tahun dan corak permainan yang dipamerkan oleh pemain dalam kejohanan tersebut agak kurang menyenangkan kerana seringkali menimbulkan kekecohan dan pergaduhan. Hasil temubual dengan para pengadil SAFA setiap perlawanan pasti berlaku layangan kad kuning dan kad merah .

Oleh itu perkara ini telah menjadi persoalan yang mengundang andaian pelbagai pihak mengenai punca perkara ini berlaku. Sehubungan dengan itu, kajian akan dilakukan bagi mengenalpasti apakah faktor peramal yang mempengaruhi emosi para pemain sehingga bertindak diluar kawalan ketika bermain.



Tingkah laku agresif adalah sesuatu yang sukar diterima dalam sukan. Oleh itu adalah perlu agar gejala ini dibendung supaya tidak terus berleluasa di negara kita. Kajian ini akan mengenal pasti faktor peramal yang menjadi pendorong kepada wujudnya keagresifan dikalangan pemain-pemain bola sepak 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah dan hasil daripada kajian membawa pelbagai kepentingan kepada kita seperti:





Dapat menimbulkan kesedaran di kalangan para pemain, jurulatih, guru-guru pendidikan Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani, ibu bapa dan akhirnya masyarakat seluruhnya dalam usaha membendung tingkah laku agresif dalam sukan.

Dapat meminimumkan berlakunya kecederaan dalam sukan agar prestasi sukan dapat dipertingkatkan .

Dapat membentuk tingkah laku dan semangat kesukanan yang tinggi dikalangan para pemain dan para pelajar sama ada sebagai peserta atau penonton dalam sukan.

Dapat menjadi panduan kepada para jurulatih untuk memahami pemain-pemain mereka dengan lebih mendalam lagi semasa dalam situasi latihan dan pertandingan.

Dapat menerapkan nilai-nilai murni di kalangan para pemain dan jurulatih selaras dengan perkembangan sukan yang sedang pesat membangun di Malaysia.





1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengenalpasti orientasi matlamat pemain-pemain Bola sepak Bawah 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah.
- ii. Mengenalpasti kecenderungan tingkah laku agresif responden I semasa bermain Bola Sepak.
- iii. Mengenalpasti situasi yang menyumbang tingkah laku keagresifan instrumental di kalangan pemain-pemain Bola sepak Bawah 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah.
- iv. Mengenalpasti individu yang mempengaruhi keagresifan di kalangan pemain-pemain Bola sepak Bawah 18 tahun, Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah.

1.5 Persoalan Kajian

- i Apakah corak orientasi matlamat pemain-pemain bola sepak Bawah 18 tahun dalam sukan bola sepak?
- ii Apakah kecenderungan tingkah laku agresif responden semasa bermain bola sepak. Adakah lebih menjurus ke arah keagresifan Instrumental ?





- iii Dalam situasi yang bagaimakah responden bertindak agresif secara instrumental?
- iv Siapakah individu yang mempengaruhi tindakan agresif secara instrumental di kalangan pemain-pemain Bola Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah?
- v Melihat perkaitan antara corak orientasi matlamat responden dengan tingkah laku agresif pemain-pemain Bola Sepak Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah.

1.6 Batasan Kajian

1.6.1 Limitasi



Dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, terdapat perkara-perkara yang tentu tidak dapat dielakkan oleh penyelidik, antaranya ialah kajian ini dihadkan kepada pemain-pemain Bola Sepak Bawah 18 tahun Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah yang bertanding dalam pertandingan bola sepak bawah 18 tahun Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah 2006. Mereka terdiri daripada 126 orang pemain termasuk pemain simpanan. Segala penganalisisan data dan perbincangan adalah berpandukan kepada soal selidik yang dibuat ke atas subjek tersebut





selepas kejohanan bola sepak bawah 18 tahun Juara Sekolah 100 Plus, MSSM Peringkat Negeri Sabah 2006. Kajian ini hanya merangkumi faktor kemanusiaan sahaja yang dirasakan oleh pengkaji sebagai faktor peramal yang menyebabkan berlakunya keagresifan.

1.6.2 Delimitasi

Kejujuran responden semasa menjawab soal selidik mungkin mempengaruhi ketepatan data yang dikumpul. Kejujuran dan keikhlasan responden adalah diluar kawalan pengkaji. Keputusan yang bakal diperolehi dalam kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor umur, bangsa atau pun pengalaman bermain. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi lain kerana ia tidak menggambarkan penglibatan keseluruhan pemain-pemain bola sepak di Malaysia. Oleh itu dapatan kajian ini terbatas kepada kajian ini sahaja.





1.7 Definisi Operasional

Terdapat beberapa perkataan yang digunakan dalam kajian ini. Definisi bagi istilah-istilah berikut adalah :

Kemanusiaan

Punca atau elemen yang menyebabkan berlakunya sesuatu yang tercetus melalui benda yang hidup seperti penonton, jurulatih, trait pemain dan sebagainya.

Keagresifan

Apa saja bentuk tindakan dan perlakuan yang bermatlamat untuk menyebabkan kecederaan ke atas benda hidup yang lain dan bermotivasi untuk mengelakkan dari dicederakan (Baron & Richardson, 1994).

Keagresifan Instrumental

Tingkah laku agresif yang bertujuan mencederai lawan untuk memperolehi faedah-faedah lain (Silva, 1981).

Orientasi Matlamat (tugasan/ego)

Keinginan individu untuk mencapai matlamat sendiri (Cox, 1994; Duda, 1992).





Motivasi

Satu daya yang mendorong seseorang untuk mencapai satu matlamat dan seterusnya berusaha untuk terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang (Singer, 1975).

Pemain-Pemain Bola Sepak 18 Tahun Juara Sekolah 100 Plus, MSSM

Peringkat Negeri Sabah.

Pemain-pemain yang mewakili pasukan sekolah masing-masing dalam kejohanan bola sepak berumur bawah 18 tahun pada tahun 2006. Bahagian Gabungan yang terlibat ialah:

- a) Gabungan Kota Belud
- b) Gabungan Kota Marudu
- c) Gabungan Kota Kinabalu
- d) Gabungan Beaufort
- e) Gabungan Keningau
- f) Gabungan Sandakan
- g) Gabungan Lahad Datu



Pertandingan MSSM Sabah

Satu pertandingan di bawah anjuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, Juara Sekolah 100 Plus, Peringkat Negeri Sabah pada setiap tahun.

